

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, March 10, 2019 1:04 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Riadah Dan Tazkirah Eratkan Ukhwah Antara Staf



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

10 MAC 2019 / 03 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: CUIC

RIADAH DAN TAZKIRAH ERATKAN UKHWAH ANTARA STAF



UUM ONLINE: Sempena Sambutan Hari Pengasasan Universiti Utara Malaysia ke-35, Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) turut mengambil peluang melakukan aktiviti riadah dengan berbasikal mengelilingi kampus di samping menelusuri flora dan fauna yang terdapat di kampus Sintok.

Program riadah tersebut melibatkan staf CUIC bersama-sama pihak pengurusan yang diketuai oleh Pengarah CUIC, Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek.

Menurut Dr. Marlin, aktiviti riadah ini memberi peluang kepada staf menikmati keindahan bumi Sintok yang selama ini tidak disedari kerana hanya fokus aktiviti rutin di pejabat.

"Aktiviti sebegini secara tidak langsung memberi peluang staf kepada staf untuk menghirup udara segar dan memberi perpektif baharu sambil beriadah serta beramah mesra dengan rakan-rakan sepejabat secara santai.

"Semoga aktiviti yang dijalankan ini dapat mengeratkan dan mengukuhkan hubungan silaturahim yang sedia terjalin antara semua staf CUIC," tambah beliau.

Sementara itu, Anis, salah seorang pelajar praktikum yang turut serta dalam riadah tersebut berkata aktiviti berbasikal sangat menyeronokkan dan memberi manfaat kepada semua dari segi kesihatan malahan mengeratkan hubungan antara staf.

Aktiviti pada hari itu diakhiri dengan tazkirah bertajuk 'Ikhlasikan Diri' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam, Ustaz Shahidan Sharkhan Marecan.

Antara intipati tazkirah ialah perkongsian ilmu tentang aspek kerja yang diamanah yang merupakan suatu ibadah di samping ikhlas dalam melakukan sesuatu dan mulakan hari bekerja dengan niat kerana Allah SWT.

Terdahulu, program tazkirah dimulakan dengan Majlis Bacaan Yassin dan Doa Selamat bersempena dengan sambutan Majlis Pengasasan Universiti ke-35 peringkat CUIC.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.